

16/07/2002

Kepemimpinan 21 tahun Dr Mahathir mengagumkan

ANDAINYA waktu dapat dikembalikan kepada tarikh 16 Jun 1981 dan kalau pun diberi peluang melakukan segala-galanya semula, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan ia tidak akan berbeza dengan apa yang sudah dilakukannya. Menghidu satu soalan wartawan media asing yang cuba memerangkapnya dalam satu temu bual tidak berapa lama dulu terhadap kemungkinan ada yang akan diakuinya sebagai satu kesilapan, Perdana Menteri bertegas bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kekesalan. Apa juga keputusan atau tindakannya sepanjang tempoh itu dipertahankannya sebagai yang terbaik pada pandangannya sekalipun bukan untuk dirinya sendiri, sebaliknya rakyat yang mengangkatnya selaku pemimpin. Dalam pada itu, seperti diakui Dr Mahathir, tiada satu keputusan yang dapat menggembirakan semua orang.

Hari ini, genap 21 tahun selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri, tiada petanda Dr Mahathir akan memperlahankan langkah. Dalam tempoh `notis' 16 bulan peletakan jawatannya juga, Perdana Menteri masih mempunyai jadual padat, sama ada untuk `menjual' Malaysia di luar negara atau menemui rakyat di seluruh pelosok tanah air. Kelantangannya bersuara - usianya akan genap 77 tahun pada 20 Disember depan - masih berterusan. Barangkali perwatakannya sejak beberapa tahun kebelakangan lebih beremosi tetapi prinsip-prinsipnya tetap dipertahankan tanpa sebarang kompromi. Sebagaimana dari hari pertama lagi, Dr Mahathir tidak membezakan kawan atau lawan dalam mensasarkan teguran, dengan kekerapan berbuat demikian kepada bangsanya sendiri tanpa jemu.

Di sebalik sikapnya yang dilabel sesetengah pemimpin asing sebagai `celupar' dan `keras kepala' itulah, rakyat Malaysia harus kini lebih berbangga menjadi anak watan bumi bertuah ini. Di bawah kepemimpinannya, negara dan rakyat melalui proses transformasi yang amat ketara dari segi fizikal, sosial, politik dan ekonomi. Hakikat bahawa Malaysia hari ini dilihat sebagai negara contoh dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyatnya yang berbilang kaum, menjadi bukti terhadap jasa, wawasan dan pengorbanan beliau. Meskipun ada segelintir akan terus mempertikaikannya, pihak lain pula tidak lokek merakamkan penghargaan serta pengiktirafan tertinggi kepada Dr Mahathir yang dijulung sebagai pemimpin sederhana yang mewakili negara Islam serta negara Dunia Ketiga.

Bukan menghairankan pemodenan dan pembangunan negara ini dalam tempoh sesingkat itu dianggap suatu keajaiban. Daripada saat waktu negara diubah dengan mempercepatkan setengah jam di Semenanjung agar selaras dengan Sabah dan Sarawak sebagai satu usaha integrasi nasional, Perdana Menteri tidak berlengah menyuntik pelbagai pembaharuan. Daripada memperkemarkan jentera kerajaan dengan menggerakkan kempen `Bersih, Cekap, Amanah' dan `Kepemimpinan Melalui Teladan', pembasmian kemiskinan, mengurangkan pengangguran, meningkatkan pengeluaran, memperkenalkan program penswastaan, memulakan proses industrialisasi hinggalah kepada pembinaan projek mega yang manfaatnya berbalik kepada rakyat, Dr Mahathir tidak pernah gentar kepada kritikan.

Penerapan nilai-nilai Islam turut diutamakan dalam bentuk gerak kerja dan tindakan, dengan lahirnya sistem muamalah, sama ada dalam bentuk bank, insurans, pajak gadai atau pasaran saham secara Islam. Dunia Islam secara amnya - kecuali parti yang mendakwa memperjuangkan Islam di negara ini - turut mengagumi bagaimana Malaysia membangun dengan pesat tanpa

menyeleweng daripada landasan Islam. Kepemimpinan Dr Mahathir yang bertunjangkan Umno sebagai sebuah parti Melayu-Islam, membuktikan kejayaan dan keberkesanan prinsip Islam berjalan seiring dengan sains dan teknologi untuk pemodenan dan kemajuan, berlawanan dengan tanggapan Barat yang lebih mengaitkan Islam dengan kemunduran dan keganasan.

Tempoh 21 tahun sebenarnya berbeza-beza di antara satu negara dengan negara yang lain. Sambil sesetengah negara tidak menampakkan banyak kemajuan dalam tempoh berkenaan, tidak terkecuali ada yang mundur dan terus ketinggalan, Malaysia pula sudah maju jauh ke depan. Untuk itu, kita tidak akan dapat berterima kasih kepada Dr Mahathir dengan secukupnya. Sejarah yang akan lebih adil menilai sumbangan beliau kemudian.